

Contemporary Interpretation of the Construction of Adab Through Tahfiz Al-Qabisi's Theory of Education in Malaysia

Fakhrur Ridza Muslim¹, Mohd Amzari Tumiran^{2*} dan Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin³

^{1,2}Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

³Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

*corresponding author: ² amzari92@uitm.edu.my

ABSTRACT

ARTICLE HISTORY

Received:
2 January 2023

Accepted:
28 March 2023

Published:
27 April 2023

KEYWORDS

Manner
Tahfiz Education
Al-Qabisi
Memorising al-Quran
Quran Education

In general, tahfiz education is the process of memorising letters, verses, and chapters of the Qur'an in a person's memory. The tahfiz education has been applied in the teaching and learning process of the Quran among the companions of the Prophet PBUH. According to al-Qabisi, tahfiz education is in line with the development of manners. The manners development in the process of memorising the Quran, which is implemented based on al-Qabisi's tahfiz education theory, includes a sequence of concepts: (a) al-talqin (the teaching), (b) al-tikrar (the training), (c) al-ma'il (the love for the Quran), and (d) al-fahm (the comprehension). Nevertheless, the manners development based on al-Qabisi's tahfiz education theory needs to be refined in detail and in-depth to fit the contemporary aspect. The objective of this study is to interpret in a contemporary way the concept of manners development in al-Qabisi's tahfiz education. This study uses a content analysis approach to secondary data, which are scholarly documents such as journal articles and research books that analyse al-Qabisi's work. The interpretation was made by giving contemporary meaning to al-Qabisi's tahfiz education concept based on the usual practises of tahfiz students. The theory presented by al-Qabisi related to manners education in the tahfiz education process is believed to be able to be practised and adapted in the tahfiz education system. Interpretation of manners development in education encompasses manner values such as: (a) respect, from al-talqin; (b) intensity, from al-tikrar; (c) consistency, from al-ma'il; and (d) practise, from al-fahm. In conclusion, the suggestion of this study, which is a contemporary interpretation of manners development based on al-Qabisi's tahfiz education theory, can be expanded to other Islamic educational institutions. A cross-sectional study approach is recommended to be carried out on tahfiz students to understand the level of appreciation of manners development through al-Qabisi's tahfiz education theory for future studies. The cross-sectional study approach is believed to be more thorough and comprehensive in terms of data accuracy and more practical in evaluating the effect of the Quran memorization technique used.

e-ISSN 2600-7274

© 2023 The Author(s). Published by Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang
This open access article is distributed under a Creative Commons Attribution-Non-commercial 4.0 International (CC BY-NC 4.0) license.
[\(https://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/\)](https://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/)





Interpretasi Kontemporari Pembinaan Adab Menerusi Teori Pendidikan Tahfiz Al-Qabisi di Malaysia

Fakhrur Ridza Muslim¹, Mohd Amzari Tumiran^{2*} dan Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin³

^{1,2}Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

*corresponding author: ² amzari92@uitm.edu.my

ABSTRAK

SEJARAH ARTIKEL

Dihantar:
2 Januari 2023

Diterima:
28 Mac 2023

Diterbitkan:
27 April 2023

KATA KUNCI

Adab
Pendidikan tahfiz
Al-Qabisi
Hafazan al-Quran
Pendidikan al-Quran

Secara umum, pendidikan tahfiz merupakan proses menghafaz huruf, ayat dan surah al-Quran ke dalam memori seseorang. Pendidikan tahfiz telah diaplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran dalam kalangan para sahabat Rasulullah SAW. Pendidikan tahfiz menurut al-Qabisi adalah seiring dengan pembinaan adab. Pembinaan adab dalam proses hafazan al-Quran yang dilaksanakan berdasarkan teori pendidikan tahfiz al-Qabisi merangkumi turutan konsep: (a) al-talqin (pengajaran); (b) al-tikrar (pelatihan); (c) al-ma'il (kecintaan terhadap al-Quran); dan (d) al-fahm (kefahaman). Namun begitu, pembinaan adab berdasarkan teori pendidikan tahfiz al-Qabisi tersebut perlu diperhalusi secara terperinci dan mendalam supaya sesuai dengan aspek kontemporari. Objektif kajian ini adalah untuk menginterpretasi secara kontemporari mengenai konsep pembangunan adab dalam pendidikan tahfiz al-Qabisi. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan terhadap data-data sekunder, iaitu dokumen-dokumen kesarjanaan seperti artikel jurnal dan buku penyelidikan yang menganalisis karya al-Qabisi. Interpretasi dibuat dengan memberikan maksud yang bersifat kontemporari terhadap konsep pendidikan tahfiz al-Qabisi berdasarkan amalan lazim pelajar tahfiz. Teori yang dikemukakan oleh Al-Qabisi berkaitan pendidikan adab dalam proses pendidikan tahfiz dipercayai mampu diperlakukan dan diadaptasi dalam sistem pendidikan tahfiz. Interpretasi pembinaan adab dalam pendidikan merangkumi nilai adab seperti: (a) respek, daripada al-talqin; (b) intensiti, daripada al-tikrar; (c) konsistensi, daripada al-ma'il; dan (d) praktis, daripada al-fahm. Kesimpulannya, cadangan kajian ini adalah interpretasi kontemporari pembinaan adab berdasarkan teori al-Qabisi dalam pendidikan tahfiz dapat dikembangkan ke institusi-institusi pendidikan Islam yang lain. Pendekatan kajian keratan rentas dicadang agar dijalankan terhadap pelajar tahfiz untuk memahami tahap penghayatan pembinaan adab menerusi teori pendidikan tahfiz al-Qabisi bagi kajian masa hadapan. Pendekatan kajian keratan rentas diyakini lebih menyeluruh dan komprehensif dalam kejituuan data serta lebih bersifat praktikal dalam menilai kesan teknik hafazan al-Quran yang digunakan.

e-ISSN 2600-7274

© 2023 The Author(s). Published by Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang
This open access article is distributed under a Creative Commons Attribution-Non-commercial 4.0 International (CC BY-NC 4.0) license.
(<https://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>)



1. PENGENALAN

Al-Quran ialah kitab suci bagi umat Islam. Pendidikan al-Quran merupakan pendidikan yang utama dalam kehidupan umat Islam bagi mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat. Pendidikan al-Quran ini bermula dengan mempelajari ilmu tajwid, makhraj huruf dan sifat huruf. Lazimnya, ilmu-ilmu tersebut dipelajari sebagai prasyarat sebelum memasuki pendidikan tafsir. Pendidikan tafsir merupakan salah satu cabang daripada pendidikan al-Quran (Mohd Nawi et al., 2020). Secara umum, pendidikan tafsir merupakan proses menghafaz huruf, ayat dan surah al-Quran dan menyimpannya ke dalam memori seseorang. Pendidikan tafsir telah diaplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran dalam kalangan para sahabat Rasulullah SAW (Ramli, 2018). Selaras dengan pendidikan tafsir, pendidikan al-Quran sangat menitikberatkan pembinaan adab. Sejajar dengan ini, umat Islam perlu memahami bahawa al-Quran bukanlah sebuah kitab yang hanya dibaca, namun perlu difahami dan diadaptasi dalam kehidupan seharian. Proses pembangunan personaliti dan peribadi sentiasa berlaku melalui pembacaan mahupun semasa menghafaz al-Quran (Latipah, 2022). Dalam maksud sebuah hadis, orang beriman yang membaca al-Quran dan mengamalkannya diumpamakan seperti buah limau yang rasanya sedap dan berbau harum. Keadaan ini menggambarkan wujudnya proses pembinaan adab dalam pendidikan al-Quran.

*“Diriwayatkan oleh Abi Musa, bahawa Nabi SAW bersabda:
Perumpamaan orang mukmin yang membaca Al-Quran dan
mengamalkannya, seperti buah limau yang rasanya sedap dan berbau
harum...” (Riwayat al-Bukhari)*

Lazimnya, institusi-institusi tafsir di Malaysia secara rasmi mengaplikasi teori pendidikan tafsir al-Qabisi. Pendidikan tafsir menurut al-Qabisi adalah seiring dengan pembinaan adab (Jaafar et al., 2018). Pembinaan adab dalam proses hafazan al-Quran yang dilaksanakan berdasarkan teori pendidikan tafsir al-Qabisi merangkumi turutan konsep (Al-Qabisi, 1986): (a) *al-talqin* (pengajaran); (b) *al-tikrar* (pelatihan); (c) *al-ma’il* (kecintaan terhadap al-Quran); dan (d) *al-fahm* (kefahaman). Namun begitu, pembinaan adab berdasarkan teori pendidikan tafsir al-Qabisi tersebut perlu diperhalusi secara terperinci dan mendalam supaya sesuai dengan aspek kontemporari. Keperluan ini adalah berdasarkan jangkaan potensi pengembangan teori al-Qabisi dalam pendidikan tafsir ke institusi-institusi pendidikan Islam yang lain. Pendekatan ini dijangka dapat meningkatkan tahap penghayatan para pelajar tafsir terhadap pembinaan adab. Kajian ini dianggap signifikan apabila pencapaian seseorang pelajar dalam pendidikan bukan sahaja dinilai daripada aspek pencapaian akademik, malah dinilai daripada aspek pencapaian adab. Hal ini selari dengan matlamat pendidikan tafsir al-Qabisi iaitu membentuk adab yang dijangka dapat dicapai melalui pendidikan al-Quran yang lazimnya bermula pada peringkat kanak-kanak (Jaafar et al., 2018).

Objektif kajian ini adalah untuk menginterpretasi secara kontemporari mengenai konsep pembangunan adab dalam pendidikan tafsir al-Qabisi. Interpretasi kontemporari terhadap pembinaan adab dibuat agar dapat disesuaikan dengan anjakan paradigma semasa yang menggunakan banyak teknologi kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) (Ahmad@Mohamed et al., 2019). Al-Qabisi merupakan antara tokoh pendidikan yang disegani dalam bidang pendidikan terutamanya pendidikan tafsir (Rinjani & Amelia, 2022). Beliau cenderung untuk membahaskan proses pendidikan secara terperinci merangkumi kaedah pengajaran, kurikulum, tahap akademik, peralatan dan bahan dalam pendidikan (Ahmad et al., 2020). Menurut al-Qabisi, sewajarnya dunia pendidikan perlu meletakkan adab sebagai matlamat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Malah, dalam konteks pendidikan tafsir, pengajaran dan pembelajaran dalam menghafaz al-Quran yang ditekankan oleh beliau adalah bersifat holistik

(Ghazali & Hamzah, 2021). Matlamat pendidikan al-Quran menurut al-Qabisi adalah untuk mengenal agama dan membina adab (Imam, 2021). Gelaran *al-hafiz* atau *al-hafizah* bagi individu yang menghafaz al-Quran perlu seiring dengan pemahaman agama dan terbangun sebagai individu yang beradab (Salleh, 2020).


2. PERKEMBANGAN PENDIDIKAN TAHFIZ DI MALAYSIA

Pendidikan tahfiz di Malaysia berkembang dengan tertubuhnya institusi-institusi tahfiz al-Quran secara rasmi, yang dikenali sebagai maahad tahfiz. Maahad tahfiz merupakan institusi pengajian al-Quran yang dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri. Penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat sebagai maahad tahfiz pertama pada 1966 di Masjid Negara, dibuat atas cadangan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Kemudian, Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) mengambil alih pengurusan maahad tahfiz tersebut (Hameed et al., 2003). Idea penubuhan maahad tahfiz ini muncul daripada Ujian Tilawatul Qur'an peringkat kebangsaan pada 1960. Hasrat Tunku ini dinyatakan dalam majlis perasmian Masjid Negara pada 1965 (Mohd Noor, 1993). Penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat diikuti dengan penubuhan maahad tahfiz di setiap negeri. Penubuhan maahad tahfiz di peringkat negeri di seluruh Malaysia bermula pada 1970 di Kelantan, diikuti Perak, Kedah, Terengganu, Perlis dan Selangor pada tahun 1980-an. Sabah, Negeri Sembilan, Pahang dan Melaka membuat perkara yang sama sepanjang 1990-an (Hameed et al., 2003).

Pada 1983, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengiktiraf sijil tahfiz yang dikeluarkan setaraf dengan diploma di ITM (Institut Teknologi MARA). Sijil tahfiz tersebut juga diiktiraf oleh institusi pengajian tinggi Malaysia seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Kolej Universiti Islam Malaysia. Maahad-maahad tahfiz tersebut yang secara rasminya dinaungi kerajaan-kerajaan negeri telah menggunakan kurikulum Maahad Tahfiz Darul Quran (MTDQ), JAKIM sejak 1997 (JAKIM, 2003). Dengan pengiktirafan tersebut, graduan maahad tahfiz dapat melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana muda (Hameed et al, 2003). Kaedah pendidikan institusi pendidikan tahfiz di Malaysia secara umumnya mengaplikasikan teori pendidikan tahfiz al-Qabisi (Mahdi Yusuf et al., 2019).

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan terhadap data-data sekunder, iaitu dokumen-dokumen kesarjanaan seperti artikel jurnal dan buku penyelidikan (Idris Awang, 2009) yang menganalisis karya al-Qabisi. Kajian menggunakan enjin gelintar dokumen kesarjanaan (contoh: <https://scholar.google.com.my> dan <https://scopus.com>) sebagai instrumen pengumpulan data. Beberapa kata kunci tertentu (contoh: al-Qabisi, pendidikan tahfiz, kaedah hafazan, dan teknik menghafaz) digunakan dalam proses gelintaran. Dokumen kesarjanaan yang paling menepati konsep dan objektif kajian dikenal pasti dan digunakan sebagai dokumen utama analisis kandungan. Interpretasi dibuat dengan memberikan maksud yang bersifat kontemporari terhadap konsep pendidikan tahfiz al-Qabisi berdasarkan amalan lazim pelajar tahfiz (Rajah 1):



Rajah 1: Kerangka Analisis Kandungan.

4. DEFINISI DAN KONSEP PENDIDIKAN TAHFIZ AL-QABISI

Islam meletakkan adab kepada suatu kedudukan yang tinggi. Secara umum, Rasulullah SAW dijadikan teras dalam sesebuah pembangunan adab. Al-Quran menerangkan hal tersebut menerusi maksud ayatnya berikut:

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)” (Qur'an 33:21).

Pembinaan adab dalam kalangan pelajar tahfiz diyakini dapat mengembangkan sahsiah mereka (Ahmad & Iksan, 2021). Pembinaan adab perlu diambil berat oleh ibu bapa, guru serta masyarakat berdasarkan kepentingan untuk memantapkan jati diri pelajar tahfiz dalam mendepani cabaran globalisasi dalam pendidikan tahfiz (Ahmad Fisol & Samuri, 2020). Teori yang dikemukakan oleh al-Qabisi berkaitan pendidikan adab dalam proses pendidikan tahfiz dipercayai mampu diperaktikkan dan diadaptasi dalam sistem pendidikan tahfiz.

Al-Qabisi merupakan antara pelopor pendidikan tahfiz. Penulisan al-Qabisi bertajuk “*Al-Risalah al-Mufassolah li Ahwal al-Mua 'allimin wa Ahkam al-Mu 'allimin wa al-Muta 'allimin*” (kitab hal ehwal pelajar dan guru serta hukum-hukum) membincangkan secara lengkap persoalan pendidikan tahfiz. Perbincangan tersebut juga meliputi beberapa aspek dalam pendidikan Islam secara umum, seperti pembinaan kurikulum, matlamat pendidikan, kaedah pengajaran, penilaian, sistem persekolahan, dan hukuman (Al-Na'miy, 1995; Mohd Nor & Mohd Nawi, 2021). Kaedah pendidikan al-Qabisi sebahagian besarnya menumpu kepada pendidikan al-Quran, terutama dalam pendidikan tahfiz. Bagi al-Qabisi, aspek pendidikan al-Quran merupakan teras kurikulum dalam pendidikan tahfiz. Manakala aspek pendidikan lain merupakan pelengkap dan penyokong kepada pendidikan tahfiz tersebut (Al-Ahwani, 1955).


Dalam teori al-Qabisi (1986), pendidikan tahfiz merangkumi kaedah pengukuhan ingatan dalam proses hafazan al-Quran. Beliau telah meletakkan pendidikan tahfiz sebagai kaedah dalam pembinaan adab menerusi dua matlamat. Matlamat pendidikan tahfiz yang pertama adalah untuk menjadikan pelajar tahfiz itu berkemahiran dalam memahami isi kandungan al-Quran untuk diamalkan. Matlamat kedua pula adalah untuk membina adab dalam kalangan pelajar tahfiz (Ikhwan et al., 2020).

Untuk mencapai kedua-dua matlamat ini, pendidikan tahfiz perlu diutamakan kerana banyak kelebihan dalam mempelajari dan mengajar al-Quran berdasarkan maksud hadis berikut:

“Daripada Uthman RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda: Orang yang terbaik daripada kamu semua ialah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya kepada orang lain” (Riwayat al-Bukhari).

Pendidikan tahfiz juga merupakan kemahiran pembacaan atau sebutan yang bergantung sepenuhnya kepada ingatan. Beliau menyatakan bahawa pelajar tahfiz perlu dilatih ingatannya supaya dapat menghafaz mengikut struktur sebenar ayat al-Quran. Oleh itu, beliau menyatakan terdapat objektif yang perlu dicapai dalam pendidikan tahfiz ini, iaitu: (a) *hifz*, iaitu kemahiran menghafaz al-Quran dengan baik tanpa melihat mushaf; (b) *wa 'iy*, iaitu kemahiran dalam memahami dan mengamalkan isi kandungan ayat yang dihafaz; dan (c) *istirja'*, iaitu kemahiran membaca semula ayat yang dihafaz dengan sebutan yang jelas dan bertajwid (*tartil*) merangkumi susunan ayat, sifat huruf, dan tanda baris tanpa melihat mushaf. Proses ini dilaksanakan dalam dua bentuk iaitu lisan (*syafawi*) dan tulisan (*tahriri*). Proses ini

merangkumi tahap pembinaan adab berikut (Rajah 2): (a) *al-talqin* (pengajaran); (b) *al-tikrar* (pelatihan); (c) *al-ma'il* (kecintaan terhadap al-Quran); dan (d) *al-fahm* (kefahaman).



Rajah 2: Tahap Pembinaan Adab al-Qabisi.

4.1 Konsep *al-Talqin*

Hafazan al-Quran dengan cara *al-talqin* adalah sebaik-baik kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran tahniz al-Quran (Ali et al., 2022). Menurut Al-Qabisi (1968) konsep *al-talqin* ialah peringkat pengulangan dengan cara mengulang bacaan sambil mendengar guru mengajar dan disertai dengan hafazan menerusi perenggan-perenggan yang disebutkan oleh guru sehingga dia dapat menghafaznya sehingga guru tidak perlu menghuraikan maksud disebabkan ketidakmampuan kanak-kanak untuk memahaminya. Proses pengaplikasian konsep ini dilaksanakan secara individu mahupun berkumpulan. Ayat hafalan baru atau lama mestilah sentiasa disemak dan diperbetulkan bacaanya dengan cara membuka mushaf di hadapan guru. Menurut Ibnu Khaldun, kaedah ini dapat difahami dengan guru mengarahkan pelajar untuk menghafaz suatu pelajaran terlebih dahulu. Selain itu, tahap *al-talqin* menurut Ibnu Khaldun adalah meniru bacaan guru (Zainal Abidin, 2017). Sebagai contoh dalam pengajaran al-Quran, pelajar atau kanak-kanak mesti menghafaz sesuatu ayat al-Quran sebelum mereka diajar intipati yang terkandung di dalam ayat al-Quran tersebut. Proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran melalui kaedah ini juga berlaku pada Rasulullah SAW ketika didatangi oleh malaikat Jibrail, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Janganlah kamu gerakkan lidahmu untuk (membaca) Al-Qur'an karena hendak cepat-cepat (menguasainya). Sesungguhnya atas tanggungan Kamilah mengumpulkannya (di dadamu) dan (membuatmu pandai) membacanya. Apabila Kami telah selesai membacakannya, maka ikutilah bacaannya itu. Kemudian sesungguhnya atas tanggungan Kamilah penjelasannya” (Qur'an 75:16-19).

Tambahan pula, pendidikan al-Quran merupakan tahap terpenting sebagai peringkat pengajaran pertama. Justeru itu, kanak-kanak atau pelajar diwajibkan untuk menghafaz al-Quran dan perkara-perkara yang disampaikan kepadanya. Ibnu Khaldun menyatakan bahawa apabila pelajar telah memahami dan menguasai sesuatu ilmu walaupun menghadapi sedikit kerumitan, maka mereka akan diberi kemudahan untuk menghafaz sesuatu pengetahuan (Mad Soh, 2021).

4.2 Konsep *al-Tikrar*

Tahap yang kerap diamalkan oleh pelajar tahniz adalah *al-tikrar*. Tahap ini juga telah diaplikasikan sejak zaman Rasulullah SAW (Habibullah & Arafah, 2020). *Al-tikrar* adalah sebuah proses latih tubi dan pengulangan. Menurut Ibnu Khaldun, tahap ini juga disebut sebagai pengalaman lalu kerana proses pengajaran dan pembelajaran perlu melalui tiga peringkat pengulangan. Dalam satu sesi pengulangan, dianjurkan untuk dilakukan sebanyak tiga kali. Namun, terdapat juga pengulangan ayat atau kalimah sebanyak empat kali dan sehingga 24 kali

(Nurzannah & Estiawani, 2021). Selain itu, membaca ayat al-Quran secara berulang-ulang dan tersusun adalah cara yang terbaik untuk mengekalkan hafazan dalam jangka masa panjang (Gade, 2014). Pada tahap ini, terdapat keperluan untuk saling membantu sesama pelajar tahfiz untuk mengukuhkan hafazan. Keadaan ini menuntut pelajar tahfiz supaya berterusan mengulangi ayat yang dilafazkan supaya tidak hilang daripada ingatan (Bangsawan et al., 2022). Oleh yang demikian, kaedah pengulangan merupakan salah satu kaedah hafazan yang berkesan dalam kalangan pelajar tahfiz (Mohd Fakhruddin et al., 2020). Kepentingan tahap *al-tikrar* ini juga berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

“Sesungguhnya perbandingan antara al-Quran dan penghafaznya seperti unta yang bertali. Apabila tuannya menambatkan ia dapat memegangnya, apabila ia lalai daripada menambatnya maka unta itu akan pergi. Apabila orang yang menghafaz al-Quran membacanya di waktu siang dan malam dia akan mengingatnya dan apabila dia tidak membacanya ia akan terlupa” (Riwayat al-Bukhari)

4.3 Konsep *al-Ma’il*

Konsep seterusnya di dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Qabisi ialah *al-ma’il*. Menurut pandangan al-Qabisi, *al-ma’il* membawa maksud cinta kepada al-Quran (Al-Ahwani, 1955). Konsep *al-ma’il* terhasil daripada kaedah menghafaz al-Quran dan memahami al-Quran (Nasrullah, 2015). Al-Qabisi berpandangan bahawa dalam proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz, pelajar tahfiz seharusnya mencintai al-Quran dengan sentiasa memberi sepenuh komitmen terhadap bacaan dan hafazan al-Quran. Pengulangan bacaan diamalkan sehingga dapat membayangkan ayat-ayat al-Quran dalam fikiran mereka. Beliau memetik kata-kata Muaz bin Jabal kepada Abu Musa al-Asy’ari yang bermaksud:

“Muaz bin Jabal bertanya: Bagaimana kamu menghafaz al-Quran? Abu Musa Al-Asy’ari menjawab: Aku menghafaz al-Quran sama ada ketika berdiri, duduk atau di atas tunggangan dan aku berjaya menghafazkannya dengan baik. Muaz bin Jabal berkata: Aku pula mengulangi al-Quran sebelum tidur dan aku akan muhasabah bacaan ku seperti mana aku bermuhasabah bagi kaumku. Mereka memberitahu dan berkongsi pandangan terhadap amalan mereka tentang bacaan al-Quran.” (Al-Qabisi, 1986)

Selain itu, menyemai perasaan cinta kepada al-Quran, aspek kurikulum yang perlu diterapkan hendaklah berpaksikan kepada dua matlamat iaitu: (a) pengetahuan agama (*ma’rifatuddin*); dan (b) pendidikan adab (*ta’dib*). Menurut al-Qabisi, dalam mencapai matlamat pengetahuan agama, penekanan tertumpu kepada kurikulum yang berdasarkan *ijbari* dan *ikhtiyari*. Kurikulum *ijbari* merupakan mata pelajaran yang wajib diberi perhatian oleh ibu bapa secara khususnya. Manakala kurikulum *ikhtiyari* pula merupakan pelengkap kepada *ijbari*. Penekanan ini merangkumi tanggungjawab ibu bapa mendidik anak-anak mengenali huruf-huruf al-Quran, memberikan pendidikan secara formal seawal umur lima tahun. Beliau juga menegaskan bahawa jika ibu bapa tidak mampu memberikan pendidikan al-Quran dengan sempurna, hendaklah mendapatkan guru untuk mengajar anak-anak mereka. Malah juga penekanan ibubapa memberikan upah kepada guru yang mengajarkan al-Quran kepada anak-anak mereka.

4.4 Konsep *al-Fahm*

Memahami makna kandungan al-Quran merupakan satu kaedah yang dapat membantu pembangunan adab dalam kalangan pelajar tahfiz. Proses ini berlaku menerusi konsep *al-Fahm*


iaitu memahami dan menghayati kandungan al-Quran dalam kehidupan seharian. Kefahaman dan penghayatan kandungan al-Quran dituntut bagi melahirkan generasi yang mempunyai adab yang mulia seperti para sahabat Rasulullah (Mothar Rijan et al., 2021). Al-Qabisi (1986) memetik maksud ayat al-Quran yang menjelaskan masa yang sesuai untuk memahami dan menghayati al-Quran di tahap yang terbaik:

“Sebenarnya sembahyang dan ibadat malam lebih kuat kesannya (kepada jiwa), dan lebih tetap betul bacaannya” (Qur'an 73:6).

Berdasarkan ayat di atas, al-Qabisi menafsirkan “*wat'an*” sebagai memberi pengertian bahawa al-Quran lebih memberi kesan dengan mendengar, membaca dan memahami al-Quran. Bacaan al-Quran dengan *tartil* ialah bacaan yang mengikut hukum tajwid serta memahami makna al-Quran. Bacaan dengan *tartil* ini dapat mendorong pembaca untuk mendalam, menghayati dan beramal dengan kandungan al-Quran. Beliau menegaskan bahawa bacaan al-Quran seperti ini merupakan bacaan menjadi sunnah Rasulullah. Menghafaz al-Quran dengan memahami maknanya dapat memudahkan hafazan dan mengekalkannya dalam ingatan (Al-Ahwani, 1955). Untuk mencapai kefahaman terhadap kandungan al-Quran dengan lebih sempurna, beliau menekankan kemahiran *i'rab* al-Quran dan kaedah penulisannya dalam pengajaran dan pembelajaran tahliz al-Quran. Beliau juga menyatakan konsep *al-fahmu* atau memahami ayat yang dihafaz ialah satu kaedah untuk membantu pelajar tahliz memahami ayat *mutasyabih* (ayat samar-samar), ayat *wahm* (sukar difahami) dan ayat *tikrar al-lafzi* (pengulangan kalimah) (Mohd Fakhruddin et al., 2020).

5. PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Pembinaan adab dibentuk menerusi pemikiran al-Qabisi yang kemudian disokong oleh kajian-kajian terdahulu dan pandangan sarjana berkaitan hasil teori pendidikan tahliz al-Qabisi. Berdasarkan teori pendidikan tahliz al-Qabisi maka telah dibahagikan kepada empat konsep utama iaitu *al-talqin*, *al-tikrar*, *al-ma'il*, dan *al-fahm* (Al-Qabisi, 1986). Empat konsep utama tersebut dijangka dapat diinterpretasi kepada pembinaan adab kontemporari dalam pendidikan tahliz (Rajah 3). Interpretasi pembinaan adab dalam pendidikan merangkumi nilai adab seperti; (a) respek, daripada *al-talqin*; (b) intensiti, daripada *al-tikrar*; (c) konsistensi, daripada *al-ma'il*; dan (d) praktis, daripada *al-fahm*.



Rajah 3: Kerangka Interpretasi Kontemporari Pembinaan Adab al-Qabisi

Nilai “respek” yang dapat diambil menerusi teori al-Qabisi *al-talqin*, diinterpretasikan dengan pelajar tahliz yang sentiasa menunjukkan adab yang baik di hadapan guru. Sama ada dalam proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung maupun luar proses pembelajaran (Syahrir,

2021). Pengamalan adab yang baik di hadapan guru dapat dipraktikkan dengan menjaga diri daripada bertingkah laku negatif seperti membantah teguran dan nasihat daripada guru, mengganggu sesi pembelajaran, dan berbual bersama rakan semasa proses pengajaran sedang berjalan. Hal ini dijangka mengakibatkan matlamat pengajaran dan pembelajaran sukar dicapai melalui pemindahan ilmu pengetahuan daripada guru kepada pelajar. Nilai “respek” memupuk sifat taat dan menghormati guru. Lazimnya, pelajar tahfiz menghormati dengan mempraktikkan amalan bersalaman dan mencium tangan guru-guru (Ariffin et al., 2016). Prestasi pelajar tahfiz bukan hanya bergantung keputusan akademik sahaja malah prestasi pelajar juga perlu dinilai dari aspek adab dengan menghormati guru (Khaled, 2018). Jadi, definisi kejayaan dalam konteks pelajar tahfiz tidak hanya berdasarkan kuantiti ayat al-Quran yang dihafaz, tetapi juga dinilai menerusi kemenjadian pembentukan adab. Pembentukan adab memerlukan penghayatan berterusan dalam mengamalkan nilai “respek” dalam proses penghafazan al-Quran. Nilai “respek” ini dapat dilihat dalam sebuah hadis:

“Daripada Ubادah bin al-Samit, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Bukanlah dikalangan umatku mereka yang tidak memuliakan orang yang lebih tua dalam kalangan kami, mereka yang tidak menyayangi anak-anak kecil dalam kalangan kami dan mereka yang tidak memberikan hak kepada orang alim dalam kalangan kami.” (Riwayat al-Tirmidhi).

Maksud hadis di atas memperlihatkan penterjemahan konsep pembentukan peribadi dan akhlak yang baik dapat dilihat hasil didikan hati melalui ilmu yang dipelajari. Jadi, pendidikan tahfiz dijangka dapat memupuk sifat respek dalam diri pelajar apabila dapat memperbaiki setiap kesalahan berdasarkan teguran daripada gurunya.

Hasil nilai adab yang dijangka dapat diperoleh daripada teori al-Qabisi, *al-tikrar* adalah “intensiti”. Menurut Ahmad Termizi et al. (2022), pelajar seharusnya bersedia menghadapi kesusahan dan kesulitan ketika menghafaz, serta sabar mengulang kaji hafazan. Malah mengingat kembali ayat yang telah ditasmik oleh merupakan cabaran yang paling besar. Oleh itu, pelajar tahfiz perlu ditasmik (disemak bacaannya) secara berkala selepas ujian tasmik pertama bersama guru (Salihin et al., 2022). Antara keutamaan para pelajar tahfiz adalah menjadi imam dalam ibadah solat, dan diberi ganjaran pahala kerana membaca dan mengkaji al-Quran. Ibu bapa kepada pelajar tahfiz juga akan dimuliakan (Masduki, 2018). Nilai “intensiti” dijangka dapat memupuk sifat ketekunan dalam menghafaz al-Quran bagi mengelakkan kelupaan terhadap ayat al-Quran yang telah dihafaz. Sifat ini dianjurkan dalam maksud sebuah hadis:

“Daripada Abdullah, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Celakalah bagi sesiapa yang berkata “aku lupa ayat al-Qur'an sekian-sekian”, bahkan hendaklah dia berkata “aku telah dilupakan darinya”. Sentiasalah membaca dan mengingati al-Qur'an, kerana ia lebih mudah terlepas daripada dada dan ingatan manusia daripada unta terlepas daripada talinya” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Jadi, pendidikan tahfiz dijangka dapat memupuk sifat ketekunan bagi menyiapkan diri pelajar dengan jiwa yang kental dan tidak mudah berputus asa.

Seterusnya, nilai “konsistensi”, daripada *al-ma'il*, mempunyai fungsi tersendiri dalam membentuk adab. Dalam konteks ini, peranan ibu bapa dalam menyediakan medium pendidikan al-Quran kepada kanak-kanak dianggap sangat signifikan. Penekanan pendidikan al-Quran pada usia kanak-kanak sangat penting untuk menerapkan nilai “konsistensi” dan

dijangka dapat memberi dorongan dan latihan berterusan menghafaz al-Quran (Sabri, 2020). Nilai “konsistensi” ini terbit daripada pendidikan tahniz menerusi teori al-Qabisi. Nilai adab ini menerapkan normalisasi dalam mempelajari al-Quran sejak kecil dan sifat istiqamah dalam mengamalkan sesuatu pekerjaan dengan disiplin yang tinggi. Hal ini dinyatakan dalam maksud hadis berikut:

“Daripada Aisyah yang berkata bahawa amalan yang paling dicintai oleh Rasulullah SAW adalah amalan yang dilakukan secara berterusan dan teratur” (Riwayat al-Bukhari).

“Daripada Aisyah yang berkata bahawa amalan yang paling Allah sukai ialah amalan yang dilakukan secara berterusan walaupun sedikit” (Riwayat Muslim).

Seterusnya, hasil nilai adab yang dijangka dapat diperoleh daripada teori pendidikan tahniz al-Qabisi adalah nilai “praktis”, daripada *al-fahm*. Nilai “praktis” dalam pendidikan tahniz dapat diperoleh apabila memahami kandungan al-Quran semasa menghafaznya. Menurut Zaedi (2019) memahami al-Quran mampu menaikkan motivasi pelajar dalam menghafaz al-Quran dan mengambil pengajaran daripada kandungan al-Quran. Sebagaimana maksud firman Allah SWT:

“(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), -Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar” (Qur'an 30:29)

Maksud ayat al-Quran di atas memperlihatkan pemahaman terhadap kandungan al-Quran membantu pembacanya mengambil pengajaran dan iktibar. Tambahan pula, prinsip al-Quran itu sendiri sememangnya untuk membimbing manusia berfikir, mencari jawapan dan menyelesaikan masalah (Jarawi & Zulkifli, 2020). Berdasarkan nilai “praktis” ini, dapatlah difahami bahawa amalan yang baik adalah berasaskan kefahaman yang baik. Jadi, dijangka nilai “praktis” ini dapat menimbulkan sifat memahami orang lain dan mampu memahami isu sebelum memberi pandangan dan komentar. Pelajar tahniz dijangka mampu memanifestasi nilai “praktis” dengan menanamkan pemikiran kritis dan berupaya menangani masalah dalam kalangan masyarakat berlandaskan kefahaman terhadap al-Quran (Hashim et al., 2021).

Kesimpulannya, kajian ini mencadangkan interpretasi kontemporari pembinaan adab berdasarkan teori al-Qabisi dalam pendidikan tahniz dapat dikembangkan ke institusi-institusi pendidikan Islam yang lain. Walaupun teori ini banyak mempengaruhi pembinaan adab dalam pendidikan tahniz, namun ia didapati sesuai untuk diterapkan dalam sistem pendidikan Islam secara umum. Selain itu, interpretasi kontemporari ini membolehkan tahap penghayatan pelajar tahniz terhadap pembinaan adab dapat dinilai dan ditambah baik. Pendekatan kajian keratan rentas disyorkan agar dijalankan terhadap pelajar tahniz untuk memahami tahap penghayatan pembinaan adab menerusi teori pendidikan tahniz al-Qabisi bagi kajian masa hadapan. Pendekatan kajian keratan rentas diyakini lebih menyeluruh dan komprehensif dalam kejadian data serta lebih bersifat praktikal dalam menilai kesan teknik hafazan al-Quran yang digunakan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA atas sokongan teknikal.

SUMBANGAN PARA PENULIS

FRM merupakan penulis utama di samping menjalankan pengumpulan dan analisis data. MAT dan MZHZA menyusun kerangka utama penulisan, membuat semakan, pemurnian teks dan meluluskan manuskrip akhir.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada.

RUJUKAN

- Abu Daud, S. A. (2019). *Sunan Abi Daud*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Ahmad Fisol, N. I., & Samuri, M. A. A. (2020). Perundangan berkaitan pendisiplinan pelajar sekolah tahfiz di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 54-71.
- Ahmad Termizi, M. D., Ajmain, M. T., Ansar, A. M. H., & Abdul Muiz, M. L. W. (2022). Memorization session during covid-19 pandemic: challenges and solutions for private tahfiz institutions. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 1(1), 116-127.
- Ahmad, F., & Iksan, Z. H. (2021). Pengintegrasian bidang adab maharat al-Quran dalam pembelajaran kimia. *Sains Insani*, 6(1), 99-104. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no1.256>
- Ahmad, M. H. (2008). *Musnad al-imam Ahmad bin Hanbal*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Ahmad, R., Mokhtar, M. N., & Wahab, R. A. (2020). Peranan Ulama Silam Memperkenalkan Pemikiran Maqāṣid Al-Sharī ‘Ah Dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Satu Analisis: The Role of Early Islamic Scholars in Introducing the Philosophy of Maqāṣid al-Sharī ‘ah in the Higher Order Thinking Skills: An Analysis. *Jurnal Fiqh*, 17(2), 205-230. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol17no2.1>
- Ahmad@Mohamed, N., Johari, N., Mohd, T., & Senawi, A. (2019). Readiness aspects in education sector to succeed in Industry 4.0 (IR 4.0): A review. *ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities*, 3, 38-47.
- Al-Ahwani, A. F. (1955). *Al-tarbiyah al-Islamiyah aw al-ta'lim fi ra'y al-Qabisi*. Cairo: Dar Ihya` al-Kutub al-Arabiyyah.
- Al-Bukhari, M. I (2021). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Ali, N. B., Razaly, M. Z., Saja, M., & Hashim, N. (2022). Education challenges throughout the covid-19 pandemic: adaptation of the talaqqi concept in Islamic studies via online. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 27(2), 41-53.
- Al-Na'miy, A. A. (1994). *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibn Khaldun dan Al-Qabisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qabisi, A. A. A. (1986). *Al-risalah al-mufassolah li ahwal al- muta'alimin wa ahkam al-mua'alimin wa al-muta'alimin* (1st ed.). Tunisia: Al-Syirkah al-Tunisiyyah li al-Tauzī‘.
- Ariffin, S., Abdullah, M., & Ahmad, K. (2016). Implementation of Othman method on memorization the Quran: A study in Sulaymaniyyah Institute Malaysia. In *16th International Conference on Business Economics, Social Science & Humanities* (pp. 1-10).

- Bangsawan, A., Rashed, Z. N., & Salleh, M. H. (2022). Faktor-faktor kecemerlangan hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar tahniz di Sabah. *Jurnal Pengajian Islam*, 31-43.
- Gade, F. (2014). Implementasi metode *takrar* dalam pembelajaran menghafal al-Qur'an. *Jurnal Ilmiah Didaktika*, 14(2), 413-425. <http://doi.org/10.22373/jid.v14i2.512>
- Ghazali, M. R., & Hamzah, A. (2022). Tinjauan terhadap tiga model pembelajaran hafazan al-Quran dan sinerginya ke arah melahirkan generasi *Hamalatul Quran* garapan MARA. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 5(3), 156-172.
- Habibullah, I., & Arafah, R. (2020). *Tarîqah al-tikrâr fî hifzhi al-Qur'an (Dirâsah al-Hâlât bi Ma'had al-Muqaddasah)*, Ponorogo. *Studia Quranika*, 4(2), 265-286. <http://doi.org/10.21111/studiquran.v4i2.3817>
- Hameed, A. A. G., Abdul Aziz, A. M., Nur, M. A., & Mohd Zarif, M. M. (Eds.) (2003). *Isu semasa pengajian Quran dan Sunnah: Siri 1*. Kuala Lumpur: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Hashim, A., Samsudin, N., Huda, M., & Maseleno, A. (2021). Exploring critical thinking in religious education: an empirical researchfor hafazan (memorisation) context. *Turkish Journal of Physiotherapy and Rehabilitation*, 32(2), 3697-3699.
- Idris Awang. (2009). *Penyelidikan ilmiah: amalan dalam pengajian Islam*. Shah Alam: Sri Elila Resources.
- Ikhwan, A., Che Noh, M. A., & Iman, N. (2020). Implementation of the tahfidz al-Qur'an curriculum at the tahfidz Malaysia boarding school. *Journal of Critical Reviews*, 7(8), 866-870. <http://doi.org/10.31838/jcr.07.08.185>
- Imam, A. H. (2021). Pemikiran pengajaran dan pendidikan anak menurut al-Qabisi. *Misyakah: Jurnal Pendidikan dan Studi Islam*, 6(1), 1-12.
- Jaafar, Z., Madzalan, J., & Ariffin, S. (2018). Al-Quran teaching and learning by al-Qabisi model: A study towards excellent students ulul albab tahniz model and tahniz Stifin. *Advanced Science Letters*, 24(1), 169-171. <https://doi.org/10.1166/asl.2018.11948>
- JAKIM (2003). *Sambutan 35 tahun JAKIM: Penjana umat bertaqwa dan progresif*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jarawi, N. S., & Zulkifli, H. (2020). Pedagogi hikmah dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pendidikan Islam. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 90-102.
- Khaled, M. (2018). *Pelaksanaan modul sahsiah unggul murid (SUMUR) di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan hubungannya dengan pembangunan sahsiah pelajar* [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Malaya.
- Latipah, E. (2022). Motives, self-regulation, and spiritual experiences of hafizh (The Qur'an memorizer) in Indonesia. *International Journal of Instruction*, 15(1), 653-672. <https://doi.org/10.29333/iji.2022.15137a>
- Mad Soh, N. S., Ismail, H., Mohd Sairi, F., & Ayob, M. A. S. (2021). Nilai murni dalam pendidikan 5.0. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(2), 1-11. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no2.109>
- Mahdi Yusuf, S. A., Che Noh, M. A., & Abdul Razak, K. (2019). Tahniz teachers ability in teaching of the subject hifz Quran in implementing integrated curriculum tahniz (KBT) secondary schools. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(5), 836-850. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v9-i5/6010>
- Masduki, Y. (2018). Implikasi psikologis bagi penghafal al-Qur'an. *Medina-Te: Jurnal Studi Islam*, 14(1), 18-35. <https://doi.org/10.19109/medinate.v14i1.2362>
- Mohd Fakhruddin, F., Che Ishak, S., Suhid, A., Mohd Ayub, A. F., Che Hassan, N., Abd Mutalib, L., & Wan Jaafar, W. M. (2020). Proses dan kaedah pembelajaran tahniz dalam

- kalangan murid di sekolah menengah agama kerajaan di Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17(2), 311-340. <https://doi.org/10.32890/mjli2020.17.2.11>
- Mohd Nawi, M. Z., & Mohd Nor, M. A., Omar, M. R., & Muhamad, N. (2021). Pembacaan al-Quran dalam pendidikan masa kini: Satu tinjauan umum. *Jurnal al-Turath*, 6(1), 43-55.
- Mohd Noor, F. (1993). *Penghafalan al-Qur'an di kalangan wanita: Satu kajian Maahad Tahfiz Pusat Islam Fakulti Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur*. [Unpublished undergraduate thesis]. Universiti Malaya.
- Mohd Nor, M. A., & Mohd Nawi, M. Z. (2020). Falsafah dan kurikulum pendidikan Islam menurut pandangan tokoh ilmuwan Islam: Imam al-Qabisi. *Sains Insani*, 5(1), 187-193. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no1.132>
- Mothar Rijan, M. H., Sabtu, M., & Budin, A. (2021). Kefahaman ayat al-Quran dikalangan pelajar tafsir: Satu sorotan. *Jurnal Maw'izah*, 4(1), 1-10.
- Muslim, H. A. (2021). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Nasrullah, N. (2015). Pandangan al-Qabisi terhadap pendidikan anak. *Mitra PGMI: Jurnal Kependidikan MI*, 1(1), 144-158. <https://doi.org/10.46963/mpgmi.v1i1.38>
- Nurzannah, N., & Estiawani, P. (2021). Implementasi metode *tikrar* pada program tahfidzul Qur'an. *Ar-Rasyid: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 1(1), 45-53. <http://doi.org/10.30596%2Farrasyid.v1i1.8378>
- Ramli, A. (2018). *Kaedah hafazan al-Quran dan keberkesanannya dalam kalangan pelajar perempuan: Kajian di Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah, Kelantan* [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Malaya.
- Rinjani, C., & Amelia, S. (2022). Konsep pendidikan menurut pemikiran al-Qabisi. *Al-Manar: Jurnal Komunikasi dan Pendidikan Islam*, 11(2), 111-125. <https://doi.org/10.36668/jal.v11i2.310>
- Sabri, A. (2020). Trends of "Tahfidz House" program in early childhood education. *Jurnal Pendidikan Usia Dini*, 4(1), 78-93. <https://doi.org/10.21009/JPUD.141.06>
- Salihin, M. S., Pisol, M. I. M., Yahaya, M., & Abd Hamid, M. H. (2022). Pengukuhan hafazan al-Quran: Cabaran & penyelesaian: *Jurnal Al-Quran dan Isu-isu Kontemporari*, 5(2), 34-40.
- Salleh, I. (2020). Pelaksanaan kaedah hifz al-Quran kajian kes di SMKA Kedah tahfiz model Ulul Albab. In N. Omar et al. (Eds.), *7th International conference on Islamic education 2020* (pp. 139-152). Bandar Baru Bangi: Association of Malaysian Muslim Intellectuals.
- Syahrir, M. I. (2021). Kurikulum adab penghafal al-Qur'an perspektif al-Ajurri. *Tawazun: Jurnal Pendidikan Islam*, 14(3), 195-206. <http://doi.org/10.32832/tawazun.v14i3.4514>
- Zaedi, M. (2019). Pentingnya memahami al-Qur'an dan ilmu pengetahuan. *Risâlah: Jurnal Pendidikan dan Studi Islam*, 5(1), 62-70. https://doi.org/10.31943/jurnal_risalah.v5i1.89
- Zainal Abidin, M. Z. H. (2017). Pandangan Ibnu Khaldun berkaitan kaedah pendidikan dalam kitab al-Muqaddimah. *Ideology Journal*, 2(1), 26-35. <https://doi.org/10.24191/ideology.v2i1.6>

BIOGRAFI PARA PENULIS

En. Fakhrur Ridza Muslim ialah pelajar Sarjana Pengajian Islam Kontemporari di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Selangor. Kini beliau sedang menjalankan penyelidikan mengenai: (1) Teknik hafazan al-Quran; dan (2) Kecenderungan sistem memori mengikut gender.

Dr. Mohd Amzari Tumiran ialah pensyarah kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah al-Quran (agama & sains), neurosains, pendidikan dan pengajian Islam. Kini beliau

menjalankan penyelidikan mengenai: (1) COVID-19 dan kesihatan mental; (2) Tahap mukallaf individu muslim kurang upaya; dan (3) Analisis program keusahawanan universiti.

Dr. Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin ialah pensyarah kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sri Iskandar, Perak. Bidang kepakaran beliau ialah pengajian Islam kontemporari, usuluddin, sejarah dan peradaban Islam. Kini beliau menjalankan penyelidikan mengenai: (1) Indeks kepuasan terhadap kualiti pengurusan Jawatankuasa Kariah Masjid Negeri Perak; dan (2) Modul interaktif mesra ibadah pelajar perkapanan.